

## **KEPERLUAN IMIGRESEN**

Setiap pelajar antarabangsa/Bukan Warganegara Malaysia perlu memenuhi syarat-syarat imigresen.

### **A. SYARAT-SYARAT KEMASUKAN PELAJAR KE MALAYSIA**

- i. Diterima masuk sebagai pelajar sepanjang masa kursus pengajian (termasuk program Bahasa Inggeris) di Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta;
- ii. Berkemampuan membayai kos pengajian dan sara hidup secara persendirian atau mendapat tajaan dari mana-mana institusi;
- iii. Tidak berhasrat untuk bekerja di Malaysia;
- iv. Meninggalkan Malaysia setelah tamat tempoh pengajian;
- v. Mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan kelakuan yang baik; dan
- vi. Berniat untuk masuk ke Malaysia untuk tujuan belajar sahaja
- vii. Wajib mendapat Visa Dengan Rujukan (VDR) sebelum masuk ke Negara Malaysia

### **B. PROSEDUR PERMOHONAN**

Pelajar yang berjaya ditawarkan tempat pengajian di UKM perlu mendapat Visa Dengan Rujukan (VDR) yang dikeluarkan oleh Kedutaan Malaysia dan Suruhanjaya Malaysia di negara masing-masing. Tanpa Visa Dengan Rujukan (VDR), pelajar tidak dibenarkan untuk memasuki negara Malaysia.

Pemprosesan, kelulusan dan pengeluaran Visa Dengan Rujukan (VDR) dan pas pelajar antarabangsa diuruskan oleh UKM dan diluluskan oleh Jabatan Imigresen di Malaysia setelah pelajar mendaftar di UKM.

Untuk maklumat lanjut berhubung dengan prosedur imigresen, pelajar antarabangsa boleh menghubungi Jabatan Imigresen Malaysia di alamat berikut :

**Pengarah  
Bahagian Visa, Pas dan Permit  
Ibu Pejabat Jabatan Imigresen  
Tingkat 4, Blok I, Pusat Bandar Damansara  
50604 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: (+603)2090 5696 Faks: (+603)2092 4911  
E-mail: pro@imi.gov.my  
Laman web: [www.studymalaysia/immigration](http://www.studymalaysia/immigration)**